

NO. SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI

TARIKH : 21 MAC 2016

RUJUKAN : 9668

SOALAN:

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah usaha pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah penduduk luar bandar yang tidak memiliki Surat Beranak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) amat komited dalam memastikan setiap penduduk yang dilahirkan di Malaysia dapat didaftarkan dengan mudah. Ini adalah selari dengan peruntukan undang-undang yang mewajibkan pendaftaran bagi semua kelahiran yang berlaku di Malaysia. Dalam hal ini, pelbagai langkah proaktif telah dilaksanakan oleh JPN khususnya kepada penduduk di kawasan pedalaman, warga emas atau yang berkeperluan seperti orang kelainan upaya dan sebagainya seperti berikut:

- i. Program Turun Padang (Program *Outreach*);**
- ii. Unit Khas Bergerak di Sabah dan Sarawak;**
- iii. Unit *Mobile*; dan**
- iv. kaunter-kaunter di Ibu Pejabat JPN, JPN Negeri, Cawangan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR
BIN SALLEH [KALABAKAN]**

TARIKH : 21 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN : 33

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berikutan dengan beberapa insiden bot pelancongan karam mahupun hilang, apakah Kementerian akan mewujudkan dan menguatkuasakan undang-undang atau peraturan ketat untuk pemilik dan pengendali bot-bot pelancongan agar industri ini menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Pengangkutan berdasarkan Ordinan Perkapalan Saudagar 1960 telah menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang ketat kepada pemilik-pemilik bot termasuk bagi kegunaan pelancongan. Penguatkuasaan yang diambil oleh Kementerian adalah dari aspek-aspek berikut:

i. Pengoperasian terminal/jeti yang sah

Setiap pelepasan bot mengkehendaki pengusaha-pengusaha bot untuk menyerahkan senarai penumpang kepada pihak berkuasa yang bertugas di jeti-jeti berkenaan.

ii. Kebolehlayaran bot

Setiap bot-bot yang dilesenkan juga wajib menjalani pemeriksaan tahunan bagi tujuan pembaharuan lesen. Aspek-aspek kebolehlayaran bot yang diperiksa adalah seperti berikut:

- a. Hull & Machinery;
- b. Life Saving Appliances (jaket keselamatan, pelampung dsb.);
- c. sama ada terdapat pengubahsuaian yang dibenarkan; dan

d. alat pemadam api.

iii. Pengoperasian bot ketika bot sedang beroperasi

Bot-bot yang sedang beroperasi/belayar turut dipantau oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Ini kerana terdapat kemungkinan bot-bot yang telah berlepas di jeti-jeti yang sah berhenti di perhentian lain yang tidak dikawal selia (jetii haram) untuk mengambil penumpang dan yang berkemungkinan melebihi kapasiti bot atau menyalahi mana-mana peraturan yang ditetapkan.